

# KWSP

## catat

## untung

## RM48.02b

utusan malaysia 12/1/2022  
Oleh KU SYAFIQ KU FOZI (page  
kusyafiq.fozi@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencatatkan pendapatan pelaburan kasar RM48.02 bilion<sup>+</sup> untuk sembilan bulan pertama berakhir 30 September 2021.

Ia merupakan peningkatan 7.7 peratus atau RM3.42 bilion berbanding RM44.60 bilion yang dicatatkan dalam tempoh sama tahun sebelumnya.

Menurut KWSP, jumlah pendapatan pelaburan kasar suku ketiga berakhir 30 September 2021 mencecah RM13.97 bilion, lebih rendah berbanding RM17.33 bilion pada suku sama 2020.

Katanya, ekuiti kekal penyumbang terbesar 54 peratus daripada jumlah pendapatan pelaburan kasar RM7.50 bilion.

“Sebagai sebahagian daripada polisi dalaman dan langkah berhemah bagi memastikan kemantapan portfolio KWSP, sebanyak RM0.11 bilion turun nilai kos untuk ekuiti tersenarai telah dicatatkan dalam suku ketiga, berbanding RM0.13 bilion pada suku sama tahun sebelumnya.

“Setelah mengambil kira turun nilai kos, RM13.86 bilion pendapatan pelaburan bersih direkod pada suku ketiga 2021,” katanya dalam kenyataan semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, pasaran ekuiti domestik dan pasaran baharu muncul pada suku ketiga 2021 adalah tidak menentu, sebahagian besarnya disebabkan kerisauan sekitar peningkatan kadar inflasi dan faedah.

Bersambung di muka 2



**KWSP mencatat pendapatan pelaburan kasar RM48.02 bilion untuk sembilan bulan pertama berakhir 30 September 2021.**

# KWSP catat untung RM48.02b

*Utusan Malaysia 12/1/2022 (page 2)*

## Dari muka 1

“Pada masa sama, pemulihan berterusan ekuiti dalam ekonomi membangun di sebalik suasana yang tidak menentu telah menyediakan peluang kepada KWSP memanfaatkan keuntungan tambahan,” katanya.

Menurut Amir Hamzah, pelaburan dalam pendapatan tetap menyumbang sebanyak RM5 bilion atau 36 peratus kepada pendapatan pelaburan kasar semasa suku ketiga 2021, iaitu lebih rendah berbanding RM8.18 bilion yang dijana pada suku sama tahun sebelumnya, disebabkan keuntungan da-gangan yang lebih rendah.

Kata beliau, ia selari dengan hasil pasaran yang lebih tinggi pada suku ketiga 2021.

“Tekanan inflasi yang berterusan dan peralihan agresif daripada bank pusat telah mendorong peningkatan hasil dalam suku ketiga, lanjutan daripada jangkaan bahawa dasar monetari akan diperketat.

“Suasana kenaikan kadar pulangan bon bukan sahaja telah memberi impak kepada pasaran bon, malah memberi kesan ke atas ekuiti,” katanya.

Mengambil kira prestasi tersebut dan pemulihan ekonomi yang berterusan, pencarum KWSP dijangka menerima agihan dividen 2020

yang lebih kompetitif berbanding tahun sebelumnya.

Pada 2020, KWSP yang merupakan antara tabung simpanan persaraan tertua dan terbesar di dunia itu mengumumkan kadar dividen sebanyak 5.2 peratus bagi simpanan konvensional dan 4.9 peratus untuk simpanan syariah dengan agihan berjumlah RM47.64 bilion.

Setakat suku keempat 2019, KWSP mempunyai lebih 14.5 juta ahli dengan lebih 7.6 juta merupakan pencarum aktif. Dalam tempoh tersebut, caruman tahunan yang diterima oleh KWSP daripada pekerja dan majikan berjumlah RM75.93 bilion.